

DM (Sabtu) Timur 13/02/2010 MS27

Mahasiswa perlu berani, lakukan sesuatu di luar kelaziman



DR. Daing Nasir Ibrahim (tengah) beramah mesra dengan perwakilan pelajar yang baru dilantik di UMP, Gambang, Kuantan, Pahang, semalam.

KUANTAN 12 Feb. - Mahasiswa diingatkan supaya tidak hanya memfikirkan perkara yang remeh dan mudah jika mahu menjadi golongan yang dinamik dan progresif.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, mahasiswa tidak mungkin akan mengecap kejayaan sekiranya mereka hanya berada dalam zon selesa dan tidak mempersiapkan diri bagi menghadapi pelbagai cabaran mendatang.

"Mahasiswa perlulah berani meneroka, mengembara serta melakukan sesuatu yang mengatasi kelaziman dan yang paling utama adalah berani gagal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) UMP di sini, malam tadi.

Pada majlis itu, pelajar jurusan Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Mohd. Aedlan Nur Ahmad dilantik sebagai Yang Dipertua MPM UMP yang baru bagi menggantikan Mohamad Suffi Kamari.

Turut dilantik menganggotai kepimpinan MPM UMP sesi 2009/2010 ialah 20 mahasiswa lain.

Beliau berkata, mulai tahun ini juga, MPM akan diperuntukkan sejumlah wang bagi melicinkan urusan pentadbirannya.

"Pejabat MPM juga kini sedang giat diubah suai dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya apabila siap sepenuhnya tidak lama lagi," katanya.

Sementara itu, Daing Nasir turut mengingatkan mahasiswa UMP supaya mempunyai semangat kesukarelaan yang tinggi dalam diri masing-masing.

"Ia bukan hanya dengan mengikut bakti siswi yang dijalankan setiap semester tetapi juga melalui pelbagai program lain seperti program perlindungan haiwan, konservasi alam sekitar, bantuan bencana dan lain-lain lagi," katanya.

Beliau turut mencabar MPM untuk mengambil alternatif lain bagi menyemai sifat kesukarelaan di dalam setiap diri mahasiswa universiti berkenaan.